

DATE: 6/10/2009

Ada juga kalangan mereka sanggup menghalalkan yang dulunya haram

Negara malap jika pembangkang be

Um-6/10/2009

DUNGUN 5 Okt. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, keadaan negara akan menjadi malap dan buruk sekiranya pentadbiran kerajaan berpindah daripada Barisan Nasional (BN) kepada pembangkang kerana kebanyakan pemimpin pembangkang sanggup menukar pendirian semata-mata untuk mendapat populariti dan sokongan rakyat.

Katanya, ada juga dalam kalangan mereka sanggup menghalalkan sesuatu yang dulunya mereka anggap haram semata-mata untuk memuaskan hati musuh yang kini menjadi rakan dalam pakatan pembangkang.

“Dulu Pas kata kerjasama dengan bukan Islam akan jadi kafir, sekarang bukan sahaja mereka bekerjasama dengan bukan Islam, tapi dia kata ternak babi pun tak apa, tapi orang Islam tak boleh makan babi.

“Dia (Pas) ambil tafsiran dalam al-Quran kata (orang Islam) tak boleh makan babi, dia tak kata tak boleh ternak (babi). Kalau dah ambil tafsiran macam tu, maknanya kita boleh ternak, kita boleh jual babi, kita boleh masak babi, tapi jangan makan, fasal nak setuju juga dengan orang ini, kita sanggup tukar pendirian kita sama sekali,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau sebelum itu menyampaikan wacana bertajuk *Dari Minda Tun, Ketuanan Melayu* di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Terengganu,

kampus Dungun, di sini hari ini.

Turut hadir Naib Canselor UiTM, Tan Sri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah.

Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak mampu mempunyai pemimpin yang tidak berpendirian dan hanya mencari populariti diri.

“Kalau orang macam ini jadi pemimpin, susahlah,” katanya.

Mengulas masa depan politik UMNO selepas ini, beliau berkata parti itu masih relevan, namun pemimpin dan anggota termasuk dari akar umbinya perlu bijak dan berani dalam bertindak.

“Kalau pemimpin buat sesuatu yang tak baik, mereka perlu suarakan... Saya sangat menyambut baik pelantikan Senator Datuk Seri Idris Jala sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri. Sepatutnya ada lebih ramai dilantik dari luar parti berbanding dari dalam parti untuk pegang jawatan,” katanya.

Berhubung kemelut yang kini melanda UMNO Terengganu, beliau berkata, pimpinan tertinggi parti perlu menyelesaikan rasa tidak puas hati yang ditimbulkan pihak-pihak terlibat bagi mengelak wujudnya puak-puak berbeza dalam UMNO di negeri itu.

Dalam ucapannya pula, Dr. Mahathir menyeru pelajar bumiputera untuk lebih berani bersaing dengan kaum lain, termasuk memilih untuk belajar di institusi pengajian tinggi swasta yang tidak didominasi oleh bumiputera seperti UiTM. – BERNAMA



DR. MAHATHIR Mohamad melambai ke arah para pelajar pada majlis wacana *Dari Minda Tun, Ketuanan Melayu* di Dewan Aspirasi Universiti Teknologi Mara (UiTM) Dungun, Terengganu, semalam. – UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN